

Belon amaran banjir untuk Kampung Kasipilay

KUALA LUMPUR - Penduduk Kampung Kasipilay, Jalan Ipoh, boleh bersiap sedia dari awal sekiranya kawasan itu dilanda banjir setelah Sistem Amaran Banjir dipasang di Sungai Batu terletak berhampiran kawasan kediaman mereka.

Teknologi belon gergasi amaran banjir dengan kos RM120,000 itu diperkenalkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) sebagai amaran awal sebelum berlaku banjir kilat yang sering melanda kampung itu.

Ia merupakan yang pertama di dunia dan lokasi pertama di negara ini menggunakan teknologi berkenaan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, pemasangan teknologi itu dibuat bagi menambah baik sistem amaran banjir sedia ada dan melalui pemasangan belon itu penduduk akan mendapat amaran jika paras air Sungai Batu di tahap bahaya.

Menurutnya, pengesan yang dipasang JPS dan diletakkan di tebing sungai mampu mengesan kenaikan paras air pada paras bahaya sebelum siren amaran berbunyi.

"Belon yang diletakkan di tebing sungai akan naik ke udara setinggi 50 meter pada paras bahaya dan terus naik sehingga 70 meter disertai dengan lampu yang berkelip-kelip apabila paras air mencapai tahap kritikal.

"Amaran daripada sistem ini juga disambungkan terus dengan pejabat operasi DBKL bagi tindakan dan bantuan segera jika air di tahap bahaya.

"Diharap melalui belon amaran ini penduduk dapat bersiap sedia menyelamatkan harta benda dan kepada pengguna jalan raya pula diharap dapat menjauhi kawasan dinaiki air agar tidak terperangkap di dalam banjir," katanya pada Majlis Pelancaran Belon Amaran Banjir.

Mengulas lanjut, Ahmad Phesal berkata, teknologi berkenaan di-

bangunkan oleh Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) Kumpulan Pilot DBKL dan dibuat beberapa penambahbaikan bersama JPS agar ia berfungsi dengan sempurna.

Justeru katanya, penambahbaikan akan dibuat dari semasa ke semasa terhadap mana-mana kekurangan terdapat pada sistem berkenaan.

"Maklum balas daripada penduduk, pengguna jalan raya dan sesiapa jua yang ingin memberikan teguran membina amat dialu-alukan.

"Sistem sama akan dipasang di lokasi lain berisiko dinaiki air seperti di Sungai Bonus, Jalan Tun Razak dan Segambut Bahagia," katanya.

Terdahulu, Ahmad Phesal turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan JPS yang diwakili Ketua Pengarah JPS, Datuk Ir. Ahmad Husaini Sulaiman bagi memeterai kerjasama dalam menjayakan projek belon amaran banjir tersebut.



Belon Amaran Banjir yang ditempatkan di Sungai Batu, Jalan Ipoh, ibu negara untuk penduduk Kmapung Kasipilay.